Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 14 (2), 2019, 169-170
https://doi.org/10.22452/JAT.vol14no2.14

Ulasan Buku (Book Review)

ALHAGI MANTA DRAMMEH (2009), *THE FALLACY OF THE INEVITABILITY OF CLASH OF CIVILISATIONS*, KUALA LUMPUR: IIUM PRESS. 268 HALAMAN. [ISBN: 978-983-3855-73-5]

Muhammad Khalis Ibrahim*

Perihal ketamadunan merupakan perkara yang sering dibincangkan di peringkat akademik. Persoalan tamadun berkait rapat dengan semua pihak kerana ia membicarakan mengenai agama, budaya, nilai tradisi, sistem sosial, interaksi rentas kaum, sistem ekonomi sehinggalah kepada sistem kenegaraan. Lantaran keluasan skop perbincangannya, persoalan ketamadunan menjadi topik 'malar hijau' (*evergreen*) yang mendapat tempat dalam perbincangan akademik sehingga kini. Dalam hal ini, buku yang ditulis oleh Alhagi Manta Drammeh (2009) yang bertajuk *The Fallacy of the Inevitability of Clash of Civilisations* merupakan antara penulisan yang penting dalam membincangkan mengenai persoalan ketamadunan dengan melihat kepada beberapa aspek terpilih.

Menurut penulis, matlamat utama buku ini adalah untuk mengkritik dua tesis yang telah dikemukakan sekitar 1990-an, iaitu 'pengakhiran sejarah' (*end of history*) dan 'pertembungan antara tamadun' (*clash of civilization*). Kedua-dua tesis ini, yang masing-masing ditulis oleh Francis Fukuyama (1992) dan Samuel P. Huntington (1993 dan 1996), pernah mencetuskan kontroversi berikutan idea dan penghujahan yang dikemukakan, selain menjadi sumber idea buat pembuat-pembuat dasar khususnya di negara-negara Barat. Di samping itu, menerusi buku ini juga, Drammeh cuba merungkai persoalan kemodenan (*modernity*) dan modenisme, di mana sesetengah pihak melihat Islam sebagai agama yang mundur dan tidak progresif kerana didakwa tidak mengiktiraf apa yang disebut sebagai 'moden'. Justeru, corak penulisan buku ini dirangka berdasarkan kritikan balas terhadap isu-isu di atas.

Pada bahagian pendahuluan, penulis menyebutkan bahawa tragedi 11 September 2001 menjadi titik tolak kepada perdebatan rancak mengenai persoalan modenisme, 'pengakhiran sejarah' dan 'pertembungan antara tamadun'. Dalam Bab 1, penulis menghuraikan secara mendalam mengenai persoalan kemodenan dan modenisme, perbezaannya dan pendirian Islam terhadap keduanya. Menurut Drammeh, kemodenan dan modenisme tidak boleh disamakan memandangkan masing-masing membawa maksud yang berbeza. Kemodenan merupakan hasil daripada proses perkembangan sesuatu kepada yang lebih baharu, sedangkan modenisme pula merujuk kepada pandangan alam yang berakar daripada idea positivisme, iaitu 'kemodenan' dalam erti kata meninggalkan segala nilai tradisi, termasuk agama, merupakan matlamat akhir perkembangan manusia. Dalam hal ini, Islam menerima pembaharuan atau kemodenan dan tidak mengiktiraf modenisme, lantaran modenisme merupakan satu sistem hidup yang sarat dengan nilai sekular dan anti-tradisi.

Bab 2 dan 3 membincangkan mengenai persoalan epistemologi yang menjadi persoalan teras kepada permasalahan modenisme. Dalam Bab 2, Drammeh menghuraikan perspektif Islam terhadap kedudukan akal dan wahyu, iaitu dua sumber bagi mendapatkan ilmu. Menurut Islam, akal dan wahyu perlu diletakkan di posisinya yang tersendiri dalam menyikapi ilmu. Akal manusia mempunyai batas dalam memahami ilmu kerana ia tertakluk kepada daya intelektual dan pengalaman seseorang. Maka, peranan wahyu yang diturunkan oleh Allah adalah untuk memandu supaya penggunaan akal sentiasa di atas landasan yang benar, lebih-lebih lagi dalam memahami perkara metafizik. Hal ini berbeza dengan pendirian modenis Barat yang enggan mengiktiraf wahyu sebagai sumber ilmu, meletakkan sepenuhnya kepada potensi akal dalam memahami segala yang berlaku di sekeliling. Sikap prejudis terhadap wahyu ini sebenarnya merupakan natijah daripada penolakan masyarakat Barat terhadap kelegitimasian wahyu sebagai sumber yang ilmiah berikutan pengalaman mereka mengalami penindasan daripada kelompok agamawan Kristian ketika Zaman Gelap satu ketika dulu. Bab 3 merupakan sambungan daripada perbincangan dalam Bab 2 dengan mengemukakan kritikan pascamodenisme terhadap modenisme. Bagi pascamodenis yang berpegang kepada konsep kerelatifan nilai, modenisme merupakan idea yang bertentangan dengan unsur kepelbagaian/relativiti kerana hanya berpegang kepada nilai moden sebagai

* Muhammad Khalis Ibrahim (corresponding author), Researcher, Department of Islamic History and Civilization, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. Email: khalismuhammad92@yahoo.com.

satu-satunya matlamat akhir perkembangan manusia. Meskipun begitu, pascamodenisme hakikatnya merupakan kesinambungan daripada idea modenisme itu sendiri, akan tetapi bersikap dekonstruktif dengan mengingkari wujudnya kesejagatan nilai.

Dalam bab seterusnya, penulis memfokuskan perbincangan kepada persoalan 'pengakhiran sejarah'. Tesis 'pengakhiran sejarah' yang diperkenalkan oleh Fukuyama ini menghujahkan bahawa perkembangan evolusi manusia telah sampai ke pengakhirannya berikutan penerimaan demokrasi liberal Barat di peringkat global pasca kekalahan Soviet dalam Perang Dingin. Menurut Drammeh, tesis ini didasari oleh dua konsep iaitu penghujahan manusia cuba membebaskan diri daripada konflik dengan bergerak menuju kepada keamanan, dan menekankan idea berbanding praktikaliti. Secara dasarnya, idea Fukuyama ini terdedah kepada sekurang-kurangnya dua kelemahan dalam menyikapi perjalanan sejarah. Pertama, ia dilatar belakangi oleh kerangka tertentu, menyebabkan analisis sejarah Fukuyama menjadi berat sebelah dan tidak berobjektif kerana cuba disesuaikan dengan kerangka yang telah ditetapkan oleh pengolahnya. Kedua, pasca Perang Dingin tidak semata-mata menjadikan masyarakat dunia menerima demokrasi liberal sebagai pegangan politik, memandangkan politik konservatisme yang menekankan identiti juga turut mengambil tempat. Ini sekaligus menafikan keabsahan teori demokrasi liberal sebagai penamat bagi perkembangan sejarah manusia.

Dalam hal ini, kehadiran tesis 'pertembungan antara tamadun' oleh Huntington boleh dianggap sebagai menyangkal tesis 'pengakhiran sejarah'. Secara umumnya, tesis ini menyebutkan bahawa negara-negara di dunia dicorak oleh identiti agama dan budaya tertentu, lalu membentuk tamadun tersendiri, yang kemudiannya menjadi punca kepada konflik dan pertembungan antara tamadun. Barat akan kekal menjadi tamadun yang dominan pada tahun-tahun yang mendatang. Bagi Drammeh, falasi tesis Huntington ini terletak pada kesilapannya dalam memahami pembaratan (*Westernization*) sebagai bersinonim dengan kemodenan. Dengan erti kata lain, sesebuah tamadun itu perlu 'dibaratkan' untuk menjadi moden. Selain itu, idea tamadun Huntington juga mempamerkan kelemahannya berikutan hanya melihat hubungan antara tamadun berdasarkan kerangka konflik dan pertembungan. Hal ini dapat dilihat menerusi pandangannya yang menyatakan pertembungan secara mikro pada era 'pertembungan antara tamadun' adalah antara tamadun Barat dan Islam, manakala secara makro antara tamadun Barat dan tamadun-tamadun yang lain. Bagi Drammeh, tesis Huntington hanya cuba mengenengahkan hegemoni Barat dan menafikan kepentingan tamadun-tamadun yang lain. Di sini, penulis telah mengemukakan pandangan bahawa wujud prospek bagi memelihara hubungan antara tamadun, iaitu menerusi dialog dan persefahaman. Sejarah Islam menunjukkan dialog menjadi mekanisme yang diutamakan dalam melakukan hubungan dengan tamadun lain. Hal ini diperlihatkan menerusi perutusan surat oleh Nabi Muhammad SAW kepada raja-raja Ethiopia, Parsi dan Rom. Menurut penulis, ini membuktikan Islam telah membina hubungan yang baik dengan tamadun-tamadun lain sejak 1400 tahun yang lalu menerusi pendekatan dialog yang rahmah, tidak menerusi konflik.

Secara keseluruhan, adalah dapat difahami bahawa Drammeh telah mengemukakan punca ketempangan dalam memahami perjalanan ketamadunan terletak pada tiga permasalahan iaitu idea modenisme, idea 'pengakhiran sejarah' dan idea 'pertembungan antara tamadun'. Sebenarnya, ketiga-tiga permasalahan ini saling berkait. Modenisme sebagai pandangan alam yang sekular dan menolak unsur tradisi mengajak supaya sesebuah tamadun itu menjadikan Barat yang dilihat 'moden' sebagai panduan atau matlamat demi mencapai 'kemodenan'. Dalam hal ini, 'kemodenan' yang dimaksudkan turut merangkumi sistem dan tatacara Barat seperti idea demokrasi liberal, yang dianggap sebagai 'kemuncak' bagi 'evolusi manusia'. Keengganan sesebuah tamadun, yang kerapkali merujuk kepada Islam, untuk mengadaptasi idea ini dianggap menjadi punca kepada 'pertembungan antara tamadun'.

Pada era globalisasi ini, pendekatan berasaskan dialog, persefahaman dan kerjasama adalah penting untuk diusahakan, lebih-lebih lagi antara tamadun. Dialog antara tamadun ini perlu dijalankan berdasarkan rasa saling menghormati, mengiktiraf kepelbagaian, bertolak ansur, adil dan manusiawi. Pendekatan dialog yang aman, seperti yang dicadangkan oleh penulis, dipercayai dapat menyumbang kepada penyelesaian konflik yang berlegar pada era mutakhir. Pemikiran 'kita lwn. mereka' (*us vs. them*) perlu disingkirkan demi memastikan dialog yang dilakukan dapat membuahkan keamanan secara global. Secara keseluruhan, *The Fallacy of the Inevitability of Clash of Civilisations* telah memberikan penghujahan yang komprehensif dalam mengkritik paradigma ketamadunan Barat moden serta mengemukakan cara penyelesaian kepada konflik antara tamadun pada hari ini.